

## DS 2 PENGUKUHAN IMEJ DESA

### DS 2.1: Menaik Taraf dan Membina Mercu Tanda atau Pintu Gerbang

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Pembinaan mercu tanda atau pintu gerbang yang berkarakter dan menjadi simbolik setiap daerah di laluan utama di sesuatu kampung yang bertujuan untuk meningkatkan *sense of welcoming* dan menjadi elemen dominan kepada laluan utama masuk ke kawasan desa.
- Merupakan aset fizikal kampung yang merangkumi keistimewaan alam semula jadi, warisan dan seni bina bangunan yang melambangkan keunikan dan keistimewaan sesebuah kampung.

##### Komponen Cadangan:

- Menaiktaraf mercu tanda atau pintu gerbang yang kurang menarik dan usang untuk mengindahkan lagi laluan masuk ke kawasan kampung.
- Membina dan menyeragamkan mercu tanda atau pintu gerbang di setiap mukim di daerah Johor Utara.
- Cadangan mercu tanda ini digalakkan untuk menggunakan barang sedia ada atau kitar semula bagi mewujudkan komuniti desa kreatif.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama Pejabat Daerah dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Foto: Mercu Tanda Kg Simpang 5 Darat Yang Telah Dinaiktaraf



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021



Foto: Mercu tanda Kg. Simpang 5 Darat sebelum dinaiktaraf

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **28 mukim**

#### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>JPKK</li> <li>Pejabat Daerah</li> <li>BPEN Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>KPLB</li> <li>Pejabat Daerah</li> <li>Jabatan Pertanian</li> <li>PBT</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

- Kos Pembinaan Mercu Tanda/Pintu Gerbang = RM 400 ribu/mukim (per Pintu Gerbang)

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 11,200,000**

#### FASA PELAKSANAAN



Cadangan pembinaan pintu gerbang baru melibatkan kesemua mukim di Johor Utara. Idea reka bentuk ikonik pintu gerbang ini merupakan sinonim dengan sejarah warisan sesuatu daerah.

Bagi Daerah Muar idea reka bentuk pintu gerbang akan lebih sinonim dengan reka bentuk alat muzik ghazal dan kereta api. Manakala, bagi Daerah Segamat reka bentuk diilhamkan daripada kuda kepang. Congkak sangat sinonim dengan Daerah Tangkak disebabkan memartabatkan seni melayu.

### Muar



Foto: Ghazal



Foto: Kereta Api MSR

### Segamat



Foto: Gasing Tradisional

### Tangkak



Foto: Congkak



Foto: Kompong



Foto: Wau

## Penanda Aras

Terdapat beberapa pintu gerbang yang menggunakan konsep-konsep identiti kampung tersendiri yang boleh dijadikan contoh bagi cadangan mercu tanda pintu gerbang ini.

Antara pintu-pintu gerbang yang boleh dijadikan contoh terletak di:

- i. Kampung Baru, Kuala Lumpur
- ii. Ketengah, Terengganu
- iii. Kg. Lonek, Negeri Sembilan
- iv. Baling, Kedah
- v. Petaling Jaya, Selangor

Foto: Pintu Gerbang Kampung Lonek, Negeri Sembilan



Foto: Mercu Tanda Kampung Lonek, Negeri Sembilan



Foto: Pintu Gerbang Kampung Baru, Kuala Lumpur



Foto: Pintu Gerbang Ketengah, Terengganu



Jadual 5.16: Senarai Mukim Untuk Cadangan Mercu Tanda/Pintu Gerbang Daerah Muar

Daerah	Mukim
Muar	Ayer Hitam
	Bukit Kepong
	Bakri
	Jorak Panchor
	Parit Bakar
	Parit Jawa
	Sri Menanti
	Sungai Balang
	Sungai Raya
	Sungai Terap
	Lenga
	Pagoh

Jadual 5.17: Senarai Mukim Untuk Cadangan Mercu Tanda/Pintu Gerbang Daerah Segamat

Daerah	Mukim
Segamat	Bekok
	Buloh Kasap
	Chah
	Gemas
	Gemereh
	Jabi
	Jementah
	Labis
	Pogoh
	Sermin
	Sungai Segamat

Jadual 5.18: Senarai Mukim Untuk Cadangan Mercu Tanda/Pintu Gerbang Daerah Tangkak

Daerah	Mukim
Tangkak	Bukit Serampang
	Grisek
	Kesang
	Kundang
	Serom
	Tangkak